

07/09/2002

PM kagum keupayaan pakar MSC

Kadir Dikoh; Hizral Tazzif Hisham; Badrila Jamlus  
CYBERJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan keupayaan pakar tempatan menemui aplikasi sel `stem' bagi rawatan HIV dan Thalassaemia sebagai pencapaian memberangsangkan hasil inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri berkata, pembabitan pakar tempatan dalam industri baru bioteknologi membuktikan Malaysia tidak kurang tenaga berbakat untuk bekerja di MSC.

"Mereka tidak akan mengklon manusia, tetapi kita menerokai kemungkinan menghasilkan organ bagi tujuan pemindahan...perkara seperti ini amat menarik," katanya pada sidang akhbar bersama pada hari kedua mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP)-MSC di Cyberlodge di sini hari ini.

Beliau berkata, ia adalah satu kemajuan terbaru kerana bidang bioteknologi sebelum ini dianggap mustahil apatah lagi untuk digerakkan dalam MSC.

Katanya, Malaysia tidak jauh di belakang negara maju dalam bidang penyelidikan bioteknologi dan MSC memainkan peranan penting dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Saya jangka pada masa depan, akan lebih banyak idea baru yang akan membantu Malaysia mencapai sasaran ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan. Malah, MSC juga berupaya melahirkan anak tempatan yang berjaya mengeluarkan animasi tiga dimensi (3D) serta aplikasi baru untuk e-kerajaan dan perniagaan kecil.

"Ia nampak nyata sehingga saya sangka kerusi bergerak tetapi sebenarnya gambar yang bergerak," kata Dr Mahathir merujuk lawatannya ke Pusat Realiti Maya MSC pagi ini.

Keseluruhannya, kata beliau, projek MSC, seperti Silicon Valley di Amerika Syarikat, mempunyai masa depan yang lebih cerah dengan input daripada pakar antarabangsa dalam bidang industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, pembangunan projek di situ juga bergerak dengan lancar dan banyak kemajuan dicapai terutama dalam tempoh setahun lalu.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh setahun lalu, banyak kemajuan dicapai MSC seperti yang boleh dilihat daripada bilangan bangunan dan syarikat yang berpindah ke Cyberjaya. Sehingga ini, pembangunan lancar MSC adalah hasil sumbangan anggota IAP.

Beliau berkata, sudah banyak syarikat tempatan dan yang bertaraf dunia beroperasi di Cyberjaya. Malah, Malaysia dan MSC mendapat banyak manfaat daripada lima mesyuarat MSC-IAP yang diadakan sejak 1997, bermula di California.

Jumlah syarikat berstatus MSC kini berjumlah 745, termasuk 53 syarikat bertaraf dunia. MSC adalah kawasan seluas 750 kilometer persegi bermula dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hinggalah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Ditanya bagaimana beliau ingin memberi sumbangan kepada pembangunan MSC dan sama ada beliau kekal selaku pengerusi IAP selepas bersara Oktober tahun depan, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak terfikir akan kekal sebagai pengerusi (tetapi)...jika saya dibenarkan, saya akan duduk dan dengar kepada perbincangan dan jika dibenarkan, saya akan memberi beberapa pandangan."

Terdahulu, ketika melancarkan kemudahan Perkhidmatan Maklumat DHL Asia-

Pasifik (DHL Apis) di sini, Dr Mahathir berkata kejayaan bandar pintar Cyberjaya yang menjadi teras MSC, turut melenyapkan kritikan terhadap projek bestari itu.

Dr Mahathir berkata, ketika Cyberjaya dicadangkan kira-kira tujuh tahun lalu, ada yang agak curiga dan sinis mengenai hasrat itu tetapi kini ia menjadi satu realiti.

"Cyberjaya sedang berkembang pesat. Ini dicerminkan bukan semata-mata dengan kewujudan struktur bangunan fizikal malah juga kegiatan yang dijalankan dalam bangunan ini.

"Kerajaan juga mahu menjadikan Cyberjaya sebagai tempat yang mesra perniagaan bagi setiap syarikat supaya dapat beroperasi dengan jaya di bandar pintar ini," katanya pada majlis pelancaran itu.

Kemudahan DHL Apis yang bernilai RM200 juta itu adalah satu daripada tiga pusat Perkhidmatan Maklumat (IS) global strategik bagi DHL Worldwide Express.

Sebelum itu, Dr Mahathir turut melancarkan Pusat Aplikasi Perdana MSC dan Pusat Bagi Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (CHIME). Pusat Aplikasi Perdana MSC terdiri daripada Makmal MSC serta Pusat Aplikasi dan Pembangunan Kreatif (CADC).

CHIME, pusat kecemerlangan bagi inovasi tele-kesihatan boleh menempatkan antara enam hingga lapan perusahaan penjagaan kesihatan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia untuk mendengar sebarang cadangan atau aduan bagi kebaikan Cyberjaya.

"Kami mahu setiap perniagaan di sini berjaya. Kami sentiasa bersedia mendengar apa juga masalah mereka. Bukan hanya ketika dialog Belanjawan tahunan, malah pada bila-bila masa saja.

"Sekiranya anda ada sebarang aduan atau cadangan, kami akan mendengarnya dan kami akan lihat sama ada kami boleh berbuat sesuatu dengannya. Saya juga dimaklumkan bahawa banyak syarikat yang sudah berpindah ke Cyberjaya melahirkan hasrat mereka untuk mendapatkan ruang perniagaan yang lebih besar," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mahu menyediakan persekitaran yang baik bagi perniagaan yang beroperasi di Cyberjaya di mana saintis, usahawan dan pereka boleh bertemu pada bila-bila masa dalam suasana serasi.

Selain itu katanya, kerajaan turut menyediakan prasarana, undang-undang siber, dasar dan amalan yang diperlukan di Cyberjaya.